

CNS8931

U GB 17-12 00175 BH398

bah

REBUT PELUANG TEKNOLOGI TINGGI, KATA PM  
Mahathir-Teknologi

SHAH ALAM, 17 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengajak rakyat Malaysia supaya mengembara teknologi tinggi dan memberanikan diri untuk memasuki bidang yang mempunyai masa depan ini.

Perdana Menteri berkata matlamat baru kerajaan ialah untuk memberi keutamaan kepada jenis pelaburan yang bermodal intensif dan berteknologi tinggi.

+Kita perlu memasuki era perindustrian yang terpilih, katanya ketika merasmikan kilang Chungwa Picture Tubes (M) Sdn Bhd, pengeluar cathode ray tubes + satu-satunya komponen utama peti TV. Syarikat itu dimiliki oleh pelabur Taiwan.

Katanya, salah satu aspek yang menarik mengenai pelaburan dari Taiwan ialah kebanyakannya adalah sumbangan syarikat-syarikat kecil dan sederhana, berbanding dengan sumbangan oleh syarikat-syarikat gergasi dari Jepun dan Amerika Syarikat.

+Ini bermakna datipada segijumlah pelaburan modal dan teknologi, kebanyakan projek tersebut mampu disertai oleh rakyat Malaysia dan secara langsung membuka peluang kepada syarikat-syarikat tempatan untuk meningkatkan lagi pengurusan mereka daripada aspek proses pembuatan, pengurusan dan pemasaran, + kata Datuk Seri Dr Mahathir. -- Lagi

▼17/12/18-40MST

CNS8934

U GB 17-12 00119 BH399

bah

Mahathir-Teknologi 2 Shah Alam

Beliau berkata usaha kerajaan selama dua dekad untuk menarik pelaburan asing ke negara ini, dengan menyediakan berbagai-bagai galakan cukai dan dasar ekonomi, telah menguntungkan terutama syarikat-syarikat berorientasikan eksport.

Amat jelas dasar-dasar dan skim galakan itu telah dapat mencapai matlamat asalnya, kata beliau.

Namun, kata Datuk Seri Dr Mahathir, sejajar dengan matlamat baru yang dirangka bagi negara menjelang 2020, masanya sudah tiba bagi Malaysia mengkaji serta menilai semula dasar itu.

Galakan berlebihan yang berterusan akan mengurangkan kecekapan syarikat dan menjejaskan daya saingan dipasaran antarabangsa, kata beliau.

+Saya difahamkan kajian semula dasar itu telah menimbulkan rasa tidak senang di kalangan pelabur, + katanya. -- Lagi

▼17/12/18-41MST

CNS8935

U GB 17-12 00174 BH400

bah

Mahathir-Teknologi 3 (akhir) Shah Alam

Yang penting, kata Perdana Menteri, ialah mewujudkan suasana pelaburan yang sihat dengan adanya insentif bukan cukai seperti ekonomi yang kukuh, kestabilan politik yang mantap, kerjasama rapat jentera kerajaan dan swasta dan kedudukan sumber manusia yang selaras dengan kehendak industri.

Beliau memberi jaminan bahawa dasar-dasar yang akan dirumuskan tidak akan dilaksanakan tanpa mengambil kira maklumat balas daripada sektor swasta kerana kerajaan sedar bahawa sektor itu meruyakan jentera penggerak ekonomi negara ke arah menjadikan negara ini bertaraf maju.

Kerajaan, katanya, akan meneruskan usaha-usaha untuk menyediakan infrastruktur yang cukup, termasuk bekalan tenaga manusia yang berpelajaran, untuk keperluan sektor industri dengan kerjasama sektor swasta.

Beliau memuji syarikat Chunghwa kerana mempunyai sebuah kilang lagi di . . . .  
Kampar, Perak yang juga melibatkan teknologi tinyyi. . . .

Kesanggupan syarikat itu menempatkan kilangnya di luar Lembah Klang, Pulau Pinang ataupun Johor Baharu harus diberi perhatian dan diteladani oleh pengusaha-pengusaha lain kerana ianya menunjukkan dengan jelas lokasi sesebuah projek itu tidak seharusnya menjadi faktor, kata beliau.-- Bernama

▼17/12/18-42MST